

**KAJIAN AWAL KEBOLEHPASARAN GRADUAN: PERSPEKTIF MAJIKAN
INDUSTRI PERTANIAN DI NEGERI JOHOR TERHADAP ELEMEN
KEMAHIRAN INSANIAH**

RAMIZAH ABD RAHMAN

**PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**DISERTASIINI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI SEBAHAGIAN
DARIPADA SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA MUDA
SAINS PERTANIAN DENGAN KEPUJIAN**

**PROGRAM HORTIKULTUR DAN LANDSKAP
SEKOLAH PERTANIAN LESTARI
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2014**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN TESIS

JUDUL: KAJIAN AWAL KEBOLEH PASARAN GRADUAN : PERSPEKTIF MASYARAKAT INDUSTRI PERTANIAN TERHADAP KEMASAHAAN INSANIAH DI NEGERI JOHOR

IJAZAH: SARJANA MUDA SAINS PERTANIAN DENGAN KEPUTIAN HORTIKULTUR DAN LANDSCAPE

SAYA: RAMIZAH BHD RAHMAN SESI PENGAJIAN: 2010 - 2014
(HURUF BESAR)

Mengaku membenarkan tesis *(LPSM/Sarjana/Doktor Falsafah) ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

SULIT (Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD (Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)


TIDAK TERHAD


Disahkan oleh:

NURULAIN BINTI ISMAIL

LIBRARIAN

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH


(TANDATANGAN PUSTAKAWAN)


DR. BONAVENTURE BENIFACE

(NAMA PENYELIA)

TARIKH: 00/00/2014

Catatan:


*Potong yang tidak berkenaan.

*Jika tesis ini SULIT dan TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

*Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana Secara Penyelidikan atau disertai bagi pengajian secara kerja kursus dan Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM).

PENGAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya. Saya juga mengaku bahawa disertasi ini tidak pernah atau sedang dihantar untuk perolehi ijazah dari universiti ini atau mana-mana universiti lain.



Ramizah Abd Rahman

BR 10160096

14 Disember 2013

DIPERAKUKAN OLEH

1. Dr. Bonaventure Boniface
PENYELIA



2. En.Assis b. Kamu
PEMERIKSA


ASSIS KAMU
PENSYARAH / PENASIHAT AKADEMIK
SEKOLAH PERTANIAN LESTARI
UMS KAMPUS SANDAKAN

3. Cik. Shahida Bt.Mohd Sharif
PEMERIKSA



SHAHIDA BINTI MOHD. SHARIF
LECTURER/ACADEMIC ADVISOR
SCHOOL OF SUSTAINABLE AGRICULTURE
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

4. Dr.Sitti Raehanah bt Mohamad Shaleh
DEKAN SEKOLAH PERTANIAN LESTARI



PENGHARGAAN

Segala puji bagi ALLAH SWT kerana dengan limpah dan rahmat-Nya mengizinkan hamba ini berpeluang menyiapkan tesis projek tajun akhir dengan lancar.Terima kasih juga buat ibu dan ayah serta keluarga yang memberi dorongan dari jauh dengan berkat doa dan restu kalian berdua dapat anakanda menyiapkan segalanya dengan baik.

Tidak lupa juga jasa penyelia yang dihormati iaitu Dr Bonaventure yang sudi memberi segala komitmen yang tidak dapat dinilai dengan kata-kata serta segala kata semangat yang memberi saya inspirasi untuk lebih berlapang dada dalam projek ini.Terima kasih juga diucapkan kepada para pensyarah yang terlibat secara langsung atau secara tidak langsung serta para staf Sekolah Pertanian Lestari yang membantu dalam projek tahun akhir ini.

Tiada responden maka bermakna tiadalah data dan tidaklah saya dapat jalankan kajian ini.Terima kasih kepada para responden yang memberi kerjasama dalam menjawab dan mengembalikan borang kaji selidik mengikut masa yang ditetapkan.

Akhir sekali,terima kasih juga diucapkan kepada rakan-rakan seperjuangan dari program HG34,HG35,HG36 serta junior yang membantu dan mendoakan serta memahami saya selama dalam tempoh menyiapkan projek tahun akhir ini.

Sekian Terima kasih

ABSTRAK

Memiliki modal insan yang berpengetahuan dan berkemahiran adalah faktor terpenting negara untuk merealisasi status negara maju dan berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Keperluan pasaran adalah mencari graduan yang mempunyai kemahiran serta kelayakan akademik yang setaraf dengan permintaan pasaran. Oleh itu, kajian mengenai kebolehpasaran graduan dari perspektif majikan melalui elemen-elemen kemahiran insaniah sangat penting untuk keperluan semasa pihak industri khususnya industri pertanian. Objektif kajian adalah 1) untuk mengetahui latar belakang demografi majikan dan organisasi dalam sektor pertanian di negeri Johor 2) untuk mengenalpasti elemen kemahiran insaniah yang sangat diperlukan oleh organisasi, dan 3) mengenalpasti hubungan ciri-ciri kebolehpasaran dari perspektif majikan dalam industri pertanian. Kajian ini telah menggunakan kaedah penghantaran set soalan soal selidik kepada responden dengan kaedah pos. Pemilihan telah dilakukan secara rawak dengan menghantar set soalan soal selidik ke setiap 10 daerah di negeri Johor. Data ini telah dianalisis menggunakan Deskritif statistik iaitu min, sishian piawai, kekerapan, ranking dan peratus dan menggunakan Analisis faktor dengan menggunakan *Statistical Package for Social Science (SPSS)* versi 20.0. Hasil kajian yang diperolehi dipersembah melalui bentuk jadual dan rajah. Dapatan kajian melalui analisis faktor mendapati elemen-elemen tertinggi yang menjadi faktor pemilihan graduan berdasarkan perspektif majikan terhadap kemahiran insaniah ialah pertama graduan yang mempunyai kemahiran interpersonal dan kemahiran berkomunikasi serta kemahiran menggunakan ICT. Melalui analisis korelasi Pearson mendapati bahawa wujud hubungan yang positif antara sikap dapat memberi arahan dengan teratur terhadap elemen berupaya mengawal diri dari segi mental dan jasmani nilai ($r=0.531$). Bertepatan dengan kajian ini, penguasaan dalam kemahiran interpersonal dan kemahiran berkomunikasi serta berkemahiran dalam pengurusan menggunakan sistem teknologi maklumat menjadi suatu yang sangat diperlukan semasa berada di alam pekerjaan supaya dapat memastikan seseorang dapat mengawal sikap peribadi dalam dan luaran semasa berurusan dengan organisasi atau pihak yang dipertanggungjawab untuk menjamin kelangsungan urusan.

PRELIMINARY STUDY OF GRADUATES EMPLOYABILITY: THE AGRICULTURE SECTOR EMPLOYERS PERSPECTIVE IN JOHOR STATE AGAINST SOFT SKILLS.

ABSTRACT

Human capital are knowledgeable and skilled is the most important factor to realize the status of a high income nation by 2020. Needs of the market is looking for graduates who have the skills and qualifications that are equivalent to the market demand . Therefore, the study of graduates from the employer's perspective through the elements of soft skills are very important for the current needs of the industry , especially agriculture.The objective of the study is 1) to know the background of demographic employers and organizations in the agricultural sector in Johor 2) to identify elements of soft skills needed by the organization, and 3) to identify the relationship of employer perspective on element of soft skills.This study uses the method of delivery set of questionnaire to the respondent by using post method . The selection was done randomly by sending a set of questionnaire to all 10 districts in Johor.Data were analyzed using descriptive statistics of mean, standard deviation , frequency and percentage and ranked using factor analysis using the Statistical Package for Social Science (SPSS) version 20.0 .From the results presented through tables and diagram.The findings of the study through factor analysis found the highest elements of the selection factors from the perspective of employers of graduates of the first graduates of soft skills are interpersonal skills and communication skills as well as skills in using ICT.Pearson correlation analysis found a significant positive relationship between attitudes to giving instruction in order to be able to control the elements themselves mentally and physically values ($r = 0531$).Coinciding with this review dominance in interpersonal and communication skills, and expertise in the management of use of information technology systems into a much needed time in the working environment so as to ensure that one can control the personal behavior of the internal and external dealings with the organization or the individuals responsible for ensuring business continuity

ISI KANDUNGAN

Kandungan		Muka Surat
PENGAKUAN		ii
PENGESAHAN		iii
PENGHARGAAN		iv
ABSTRAK		v
<i>ABSTRACT</i>		vi
ISI KANDUNGAN		vii
SENARAI JADUAL		ix
SENARAI SIMBOL, UNIT DAN SINGKATAN		xi
 BAB 1	PENGENALAN	
1.1	Latar Belakang	1
1.2	Bidang kerjaya dalam pertanian	1
1.3	Kebolehpasaran graduan	2
1.4	Kepentingan Kajian	3
1.5	objektif kajian	3
1.6	Penyataan soalan kajian	4
 BAB 2	KAJIAN LITERATUR	
2.1	Pengenalan	5
2.2	Industri Pertanian Di Malaysia	5
2.3	Pembangunan Institut Pendidikan Di Malaysia	6
2.4	Konsep Kesesuaian Pengisian Program Ijazah Sarjana Muda	7
2.5	Tinjauan Pasaran	8
2.6	Kepentingan Tinjauan Pasaran	9
2.7	Keperluan Tinjauan Pasaran Siswazah Sarjana Muda	9
2.8	Peluang Kerjaya	9
2.9	Kepentingan kemahiran insaniah	11
3.0	Kesimpulan	12
 BAB 3	METODOLOGI	
3.1	Pengenalan	13
3.2	Lokasi Kajian	13
3.3	Populasi kajian	13
3.4	Reka bentuk kajian	14
3.5	Borang kaji selidik	14
	3.5.1 Bahagian A	14
	3.5.2 Bahagian B	15
3.6	Ujian kebolehpercayaan soalan soal selidik	13
3.7	Pengumpulan data	14
3.8	Analisis data	
	3.8.1 Deskriptif statistik	17
	3.8.2 korelasi	17

BAB 4	KEPUTUSAN	
4.1	Hasil Analisis kebolehpercayaan	19
4.2	Objektif Pertama :Untuk Mengetahui Latar Belakang Demografi(Majikan Dan Organisasi) Dalam Sektor Pertanian Di Negeri Johor	20
4.2.1	Jawatan	20
4.2.2	Jantina	20
4.2.3	Bangsa	21
4.2.4	Bahasa	22
4.2.5	Kelayakan akademik	22
4.2.6	Gaji Peringkat Ijazah	22
4.2.7	Bidang pengajian	23
4.2.8	Jenis organisasi	25
4.2.9	Jenis industri	25
4.3	objektif kedua:Untuk mengenalpasti elemen kemahiran insaniah diperlukan dalam organisasi	26
	4.3.1 Komponen kemahiran insaniah	27
4.4	Objektif ketiga:Untuk mengenalpasti hubungan antara persepsi majikan terhadap elemen kemahiran insaniah	28
	4.4.1 Analisis korelasi	28
	4.4.2 Analisis crosstab	29
BAB 5	PERBINCANGAN	
5.1	Maklumat latarbelakang majikan dan organisasi	31
5.2	Elemen kemahiran insaniah melalui persepsi majikan	35
5.3	Hubungan antara ciri-ciri demografi majiakn terhadap Elemen kebolehpasaran	36
BAB 6	KESIMPULAN	
6.1	Kesimpulan	38
6.2	Cadangan	38
6.3	Limitasi kajian	38
RUJUKAN		39
LAMPIRAN		42

SENARAI JADUAL

Jadual		Muka Surat
3.1	Tahap realibility berdasarkan nilai Alpha	16
4.1	Hasil ujian kebolehpercayaan kajian (N=30)	19
4.2	Peratus jawatan responden(N=30)	20
4.3	Peratus jantina responden (N=30)	20
4.4	Peratusan bangsa responden (N=30)	21
4.5	Peratus Bahasa responden(N=30)	21
4.6	Peratus kelayakan akademik (N=30)	22
4.7	Peratus gaji peringkat ijazah (N=30)	22
4.7.1	Gaji peringkat ijazah mengikut organisasi (N=30)	23
4.8.1	Kursus pertanian (N=30)	23
4.9	Jenis organisasi (N=30)	25
4.10a	Peratus jenis industri (N=30)	26
4.10b	Peratus jenis industri mengikut organisasi (N=30)	26
4.11a	Nilai alpha kemahiran insaniah	27
4.11b	Ujian KMO-Barlett	27
4.12	Korelasi	28
4.13	Analisis crosstab	30

SENARAI SIMBOL ,UNIT DAN SINGKATAN

%	Peratus
KM	Kilometer persegi
Km2	Kilometer persegi
SPL	Sekolah Pertanian Lestari
SPSS	<i>Statistical Package for social sciences</i>
UIAM	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Latar Belakang

Persaingan dalam mendapatkan pekerjaan dalam kalangan graduan masa kini telah menjadi semakin sengit. Seorang graduan perlu melengkapkan diri dengan pelbagai kemahiran bukan sahaja perlu mendapat keputusan cemerlang dari segi akademik tetapi perlulah juga seimbang dalam kemahiran generik atau kemahiran insaniah di mana graduan adalah individu yang mendukung cita-cita universiti dan negara untuk melahirkan golongan yang berkelayakan untuk menempatkan diri dalam dunia pekerjaan yang menuntut pekerja yang profesional dan teknikal bertepatan dengan sahutan Akta Pendidikan 1996 merujuk kepada tujuan pendidikan adalah untuk membolehkan masyarakat Malaysia mempunyai penguasaan pengetahuan, kemahiran dan nilai untuk mencapai wawasan negara iaitu mencapai status negara maju sepenuhnya dari segi pembangunan ekonomi, keadilan, social, rohani, kekuatam moral dan etika serta mewujudkan sebuah negara berpendidikan bertaraf dunia. Ini bertepatan dengan kesan kebolehan seseorang graduan yang cemerlang menunjukkan hubungkait yang rapat dalam membangunkan ekonomi negara iaitu dengan penghasilan para siswazah yang berkualiti untuk memacu industri di Malaysia khususnya.

1.2 Bidang Kerjaya Dalam Industri Pertanian

Sektor pertanian telah menjadi pencetus utama dalam perkembangan tamadun dunia dengan timbulnya revolusi perindustrian. Sektor pertanian Malyasia telah pesat membangun sejak sedari Malaysia mencapai kemerdekaan 56 tahun dahulu (Bank Negara Malaysia, 2000). Hal ini dapat dilihat bahawa pertumbuhan ekonomi negara di bawah aliran pertanian dapat menjadi salah satu tonggak ekonomi negara (Farah Fardillah et al.,2012). Jika pertanian telah menjadi tonggak ekonomi negara ,maka terbitlah bidang kerjaya dalam industri pertanian yang menuntut golongan para profesional untuk mengisi kekosongan dalam arena kerjaya dalam industri pertanian. Menurut petikan akhbar The Borneo (2011)kira-kira 10,000 siswazah yang sudah menamatkan pengajian masih menganggur dan sukar mencari pekerjaan yang sesuai dengan kelulusan. Ini kerana untuk mencari peluang pekerjaan adalah sukar dan kelulusan tidak bersesuaian dengan pasaran kerja yang ketika ini menjurus kepada sektor pertanian dan industri (William,2011)

Sekiranya dahulu, era 1960-1970 lebih berorentasikan buruh dan 1980an -1990an berorentasikan modal maka era alaf baru ini lebih berorentasikan industri di mana sektor pertanian juga meneraju dalam industri terbesar yang menyumbang ke arah pembangunan ekonomi (Mohamed Khaled Nordin, 2008)

Kerajaan mensasarkan pada tahun 2020, terdapat peluang pekerjaan tersedia dalam industri pertanian iaitu yang akan diberi tumpuan adalah sub-sektor yang mempunyai potensi pertumbuhan tinggi iaitu akuakultur,pertanian rumpai laut produk herba, buah-buahan dan sayuran serta makanan diproses premium yang membolehkan industri pertanian Malaysia menembusi pasaran global bernilai tinggi (Yadim, 2012).

1.3 Keboleh Pasaran Graduan

Kemampuan graduan untuk memenuhi kehendak pekerjaan bergantung pada banyak faktor. Antara yang terpenting ialah pendidikan dan latihan yang diterima dari institusi pendidikan tinggi (IPT) terkandung juga aspek kemahiran insaniah yang diterapkan semasa alam universiti. Jika pendidikan yang diterima seimbang dan sepadan dengan tuntutan pekerjaan, maka lazimnya tidak banyak masalah akan timbul kepada siswazah. (Ishak *et al.*, 2008)

Kajian kebolehpasaran adalah salah satu kaedah mengetahui sejauh mana ciri-ciri seperti kemahiran generik atau kemahiran insaniah diperlukan. Kemahiran insaniah telah terbahagi kepada sembilan elemen di mana dalam elemen tersebut terdapat item-item yang menyokong elemen tersebut seperti kebolehan berkomunikasi dan interpersonal, kemahiran penyelesaian masalah, kemahiran ICT, kepimpinan, kerja berpasukan, perancangan kerja, etika dan nilai

1.4 Kepentingan Kajian

Sebelum ini telah terdapat beberapa kajian yang mengkaji tahap kebolehpasaran sesuatu program yang ditawarkan oleh pihak universiti. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengenalpasti kehendak majikan industri pertanian dalam meletakkan sasaran untuk siswazah ijazah sarjan muda melibatkan diri dalam dunia pekerjaan yang mungkin sangat bertepatan dengan kehendak industri. Oleh itu, dengan menjalankan aktiviti kajian ini, hasil daripadanya dapat memberi manfaat kepada kedua-dua belah pihak iaitu para majikan dalam industri pertanian serta memberi pendedahan kepada siswazah peringkat ijazah sarjana muda dalam menceburi bidang industri pertanian yang sangat memerlukan pakar mungkin dari pelbagai bidang dan latarbelakang. Jadi, pihak universiti mungkin boleh mengkaji semula kehendak pasaran kerjaya yang majikan industri pertanian inginkan dan menyesuaikan pengisian serta menyemak semula modul pembelajaran agar bersesuaian untuk para siswazah menceburi alam pekerjaan tidak mengira sektor khususnya dalam industri pertanian atau pendedahan secara langsung atau tidak langsung agar masalah pengangguran dapat diatasi dalam kalangan siswazah peringkat ijazah sarjana muda.

1.5 Objektif Kajian

Kajian ini mempunyai tiga objektif utama iaitu :

- a) Untuk mengetahui latar belakang demografi pihak organisasi dalam sektor pertanian;
- b) Untuk mengenalpasti elemen kemahiran insaniah yang sangat diperlukan oleh organisasi; dan
- c) Untuk mengenalpasti ciri –ciri peribadi daripada persepsi majikan sebagai satu cadangan bagi penambahbaik kursus serta kemahiran-kemahiran yang perlu untuk seorang bakal graduan.

1.6 Penyataan Soalan Kajian

Kajian ini akan tertumpu kepada empat soalan kajian iaitu apakah latar belakang industri samaada pengeluaran tanaman, perladangan, penternakan, serta syarikat yang berasaskan pertanian. Apakah pendapat serta pandangan para responden terhadap siswazah ijazah sarjana muda terhadap keperluan-keperluan pasaran kerjaya dalam industri pertanian? Apakah ciri-ciri siswazah yang menepati kehendak pasaran dalam industri pertanian? Adakah penting kemahiran insaniah ini dalam pemilihan pekerja dan melahirkan pekerja yang jujur dan amanah dalam tanggungjawab?

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Dalam konteks ini, ulasan karya mengetengahkan atau pendekatan yang dilakukan untuk tujuan tinjauan keatas pasaran graduan ijazah sarjana muda yang dikehendaki oleh pasaran industri sama ada dalam sektor swasta atau awam dalam bidang pertanian. Penilaian terhadap ciri-ciri yang dikehendaki oleh pasaran dilakukan oleh majikan lebih memberi kesan baik kerana majikan adalah individu yang berkuasa dalam pemilihan serta meletakkan syarat-syarat tertentu dalam pemilihan pekerja. Aspek yang dibincangkan ialah melibatkan aspek pembangunan institusi pendidikan di Malaysia, modal insan yang dimiliki oleh graduan ijazah sarjana muda seperti kemahiran generik atau kemahiran insaniah selain daripada kelayakan akademik kemahiran insaniah sangat ditekankan,tinjauan pasaran,kepentingan tinjauan pasaran kerjaya untuk graduan ijazah sarjana muda khususnya dalam industri pertanian,jangkaan dapatan dari tinjauan pasaran, keperluan tenaga kerja dalam industri, kesesuaian pengisian program,pengangguran dalam peringkat ijazah sarjana muda, keperluan pekerjaan dalam sektor awam dan sektor swasta, dan spesifikasi majikan dalam bidang kerjaya dalam industri pertanian. Terdapat pelbagai kesan kajian kemahiran insaniah yang dijalankan khususnya dalam program kepimpinan yang berobjektif agar para graduan khususnya berkeyakinan tinggi dalam apa juga situasi.

2.2 Industri Pertanian di Malaysia

Industri pertanian adalah suatu industri yang kelaskan sebagai suatu penyumbang besar dalam sesebuah negara. Meyedari peluang dan potensi untuk membangunkan sektor pertanian dengan mengaplikasi teknologi terkini iaitu untuk menghapuskan stigma bahawa pertanian merupakan aktiviti yang mundur dan berkemahiran rendah (Universiti Utara Malaysia, 2012). Industri pertanian memainkan peranan yang penting dalam membangunkan ekonomi Negara Malaysia dan memberi peningkatan ekonomi terhadap masyarakat sama ada yang menjadi penggerak industri seperti syarikat, pengusaha, badan-badan kerajaan serta swasta, serta apa sahaja yang menawarkan perkhidmatan dalam industri pertanian di Malaysia.

MPOB adalah salah satu badan yang menjalankan aktiviti pertanian yang menyediakan pelbagai cabang bidang yang telah mewujudkan suatu industri seperti menjalankan aktiviti penyelidikan, kejenteraan, pemprosesan, serta aktiviti yang menuntut kepada aktiviti pengurusan di ladang

2.3 Pembangunan institut Pendidikan di Malaysia

Selepas Malaysia mencapai kemerdekaan, terdapat pelbagai usaha yang giat dijalankan untuk pembangunan masyarakat serta negara untuk kearah pembangunan yang sihat seperti telah memperkenalkan fasa-fasa dalam Transformasi Ekonomi ASEAN yang memacu kearah negara yang berorientasikan ekonomi serta berpengetahuan. Pengetahuan adalah pemangkin sesebuah Negara untuk lebih berdaya saing di peringkat global (Mohamed Khaled, 2008)

Sistem pendidikan yang semakin pesat di Malaysia seperti wujudnya Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) adalah kesan daripada kemajuan serta pergerakan lancar sistem ekonomi Negara yang telah menubuhkan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM) dalam usaha memastikan piawaian akademik yang bermutu diterapkan dalam mempertingkatkan perkembangan program akademik yang berkualiti (Mohd Samsol Pajio *et al.*, 2012).

Dengan memegang hasrat meletakkan negara sebagai pusat kecemerlangan pendidikan yang berupaya mengeluarkan modal insan bermentaliti kelas-pertama,faktor ilmu pengetahuan adalah faktor utama yang dikaji dapat menjadi medium dalam mentranformasi minda masyarakat yang menjadi produk kepada negara.Ini bertepatan dengan cabaran yang dinyatakan dalam sistem pendidikan tinggi di Malaysia iaitu tanggungjawab institusi pengajian tinggi sebagai pendokong serta pusat pembelajaran yang akan melahirkan graduan yang mampu mentranformasikan Negara kearah yang lebih global ,holistik dan berdaya saing yang juga sebagai produk tenaga kerja yang berkualiti kepada negara (Mohamaed Khaled, 2008).

Institusi pengajian adalah salah satu tonggak pemacu utama dalam memberikan pembelajaran yang bersifat holistik iaitu melengkapkan individu dengan kelengkapan yang diperlukan oleh Negara sebagai modal insan kelas pertama (David Farhaun, 1999).

2.4 Konsep kesesuaian pengisian program Ijazah Sarjana Muda

Kewujudan program yang ditawarkan oleh sesebuah institusi pengajian tinggi adalah wajar diketahui dan dipersetujui oleh semua pihak agar masalah dalam pengiktirafan program yang diambil oleh graduan tidak berlaku dan menjamin kebolehpasaran graduan yang mempunyai kesesuaian serta kekosongan dalam industri yang dapat diisi oleh graduan lepas Ijazah Sarjan Muda khususnya.Jika pengisian program tidak bersesuai dengan kehendak pasaran serta pihak majikan ia akan memberi impak kepada graduan yang mengambil program tersebut untuk mendapat pekerjaan kelak. Kajian lepas menunjukkan kurikulum yang ditawarkan oleh institut vokasional tidak mendapat permintaan pasaran dan menjadikan pelajar lepasan vokasional menhadapi kesukaran dalam mencari pekerjaan dalam industri (Soo Wee Leng et al ,2001)

Menurut pandangan Glatthorn,Boschee,dan Whitehead (2009) yang berpendapat bahawa asas kurikulum mestilah mempunyai ciri-ciri yang dicadang dan dikenalpasti oleh ilmuan yang berkelayakan,badan-badan professional,diluluskan oleh kumpulan pembuat polisi seperti kementerian dan kerajaan yang mempunyai senarai hala tuju dan kelayakan graduan serta isi kandungan yang memenuhi bidang yang dipelajari.

Janet Fine (2005) menyatakan graduan lepasan program pendidikan adalah merupakan graduan yang universal kerana individu tersebut dilengkapi dengan ilmu psikologi dimana mereka lebih cenderung untuk memahami kehendak persekitaran dan dapat menguruskan rusuhan emosi individu itu sendiri yang mungkin akan menjadi tiket kepada kesesuaian kepada bidang kareir dari latar belakang bukan bidang pendidikan.

Noah dan Eckstein (1998) mengkritik pihak akademik atau pusat pengajian masih tidak dapat mengeluarkan produk iaitu pelajar sebagai produk yang mencapai tahap dikehendaki oleh para majikan khususnya di England ,Jerman ,dan Perancis untuk menyediakan pelajar kealam pekerjaan kerana pihak sekolah atau pihak akademik terlalu memberati perkara akademik berbanding pelajar yang bergiat dalam kurikulum.Hal ini menjadikan para graduan hanya mempunyai keputusan yang memberangsangkan dalam akademik tetapi mempunyai kemahiran sampingan kealam pekerjaan ditahap yang sangat membimbangkan.

2.5 Tinjauan Pasaran

Mencipta nilai atau mewujudkan suatu kelainan yang berkualiti dan memberi perkhidmatan yang memuaskan kepada pelanggan adalah kunci kepada kejayaan sesebuah organisasi.Secara umumnya matlamat pemasaran adalah untuk memberi kepuasan,kelainan serta sebagai usaha untuk melayakkan sesuatu yang ingin dipasarkan di satu tahap yang sangat memberangsangkan.Menurut American Marketing Association pula memberi maksud pemasaran merupakan proses perancangan dan pelaksanaan konsepsi,penentuan harga,promosi dan pengagihan idea,barang dan perkhidmatan untuk mencapai pertukaran yang memuaskan individu dan objektif organisasi.

Sebelum melakukan aktiviti pemasaran,sesebuah organisasi haruslah melakukan tinjauan pasaran agar dapat mengetahui corak pasaran,permintaan serta kesesuaian sesuatu produk yang ingin dibentuk atau dipasarkan dapat dibaiki untuk mencapai tahap yang seperti yang diinginkan oleh pasaran (McQuarrie 2006).Ini juga selaras dengan erti memasarkan graduan itu sama ada mampu dipasarkan adalah berkait rapat dengan persediaan yang ada pada diri individu itu sebelum dipasarkan.

Menurut Bonne,Kurtz,MacKenzie dan Snow (2009) terdapat enam langkah yang perlu diambil kira semasa melaksanakan tinjauan pasaran.Pertama ialah mengenalpasti masalah.Kedua ialah melakukan kajian eksplorasi untuk mengenal pasti punca permasalahan.Ketiga ialah mencipta andaian awal untuk mengecilkan skop tumpuan tinjauan yang akan dilakukan.Keempat ialah mereka cipta bentuk kajian tinjauan pasaran yang bakal dijalankan.Kelima ialah pengumpulan data yang akan diperolehi sama ada data sekunder atau primer.Keenam ialah menganalisis,mentafsir dan mempersempit hasil dari kajian pasaran yang dilaksanakan.

2.6 Kepentingan Tinjauan Pasaran

Peranan penting dalam melakukan tinjauan pasaran menurut McDaniel dan Gates (2005) ialah deskriptif,diagnostik dan prediktif.Fungsi Deskriptif adalah meliputi proses penyatuan dan pembentangan kenyataan atau fakta sebenar dalam kajian ini mempersoalkan apakah kehendak majikan dalam industry pertanian terhadap siswazah sama ada daripada institusi awam atau swasta.

Peranan kedua ialah sebagai pengukur diagnostik untuk menunjukkan kesan daripada yang dikaji atau tindakan yang di ambil dalam kajian.Contohnya apakah kesan perubahan modul pembelajaran serta tempoh pengajian di ubah.Peranan ketiga ialah fungsi prediktif iaitu memberi gambaran kepada organisasi tentang tindakan yang perlu diambil selepas tinjauan dilaksanakan.Tinjauan pasaran adalah mekanisma terbaik dalam memahami kemahuan dan kehendak semasa pengguna (Philip Kotler,2003)

2.7 Keperluan tinjauan pasaran Siswazah Ijazah Sarjana Muda

Knapp dan Siegel (2009) menyatakan pada zaman pengajiannya di Southern Adventist University di tahun 1960-an,tinjauan pasaran pada mulanya dikenali sebagai kajian perhubungan awam. Pada waktu itu,kepentingan tinjauan pasaran bagi pihak universiti digambarkan mampu membantu pihak universiti bagi mencapai objektif dalam merekrut pelajar,menambahkan dana universiti,membina hubungan baik dengan universiti- university lain dan menjalin hubungan baik dengan masyarakat.

Dalam kontek ini,lambakan siswazah yang di keluarkan oleh Malaysia hanya pada kuantiti tetapi tidak pada kualiti.permasalahan ini di tuju untuk mengenalpasti keperluan siswazah Ijazah Sarjana Muda dalam industry pertanian.

2.8 Peluang Kerjaya

Dalam era globalisasi ini,pencapaian tahap akademik yang tinggi tidak mencukupi untuk para graduan melayakkan diri ke pasaran pekerjaan.Prof.Dato'Dr.Hassan Said dalam ucapanya sempena pelancaran Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah IPT pada 2006 berkata "Dengan ekspektasi majikan dan cabaran pekerjaanyang semakin meningkat,graduan perlu memiliki bukan sahaja kelayakan akademik tetapi kebolehan dan kemahiran yang memberikan nilai tambah yang mampu menarik minat majikan".

2.9 Kepentingan kemahiran insaniah

Menurut (Haslinda et al 2005) dalam satu kajian ke atas Program *Soft Skills* telah diperkenalkan di Kolej Universiti Kejuruteraan dan Teknologi Malaysia,terhadap 373 orang pelajar dan 49 orang kakitangan akademik mendapati program *Soft Skills* merupakan satu program bersepada yang mampu menghasilkan bakal jurutera untuk memenuhi kehendak industri dan aspirasi negara yang memerlukan tenaga kerja yang trampil dalam kedua-dua aspek kemahiran teknikal mahupun kemahiran insaniah.Pengukuran kemahiran insaniah ini dapat dilihat kesannya apabila seseorang itu cuba menunjukkan minat yang baik terhadap aktiviti yang dijalankan contohnya kem perkhemahan di mana aktiviti yang dijalankan adalah bertujuan mendidik jati diri serta perwatakan yang disenangi semasa bergaul dengan sesame masyarakat.

Menurut hasil kajian Esa *et al.* (2007) telah menjalankan satu kajian untuk mengenalpasti sama ada ko-kurikulum yang dilaksanakan di politeknik Malaysia, menerapkan kemahiran generik bagi menyediakan pelajar sebagai bakal pekerja yang berpotensi memenuhi keperluan pihak industri di Malaysia.Hasil kajian mendapati graduan politeknik yang menguasai kemahiran generik setelah mempelajarinya menerusi kokurikulum dapat memenuhi keperluan pihak industri di Malaysia.

2.10 Kesimpulan

Secara keseluruhanya tinjauan kebolehpasaran dilakukan melalui kesesuaian program gaji, kebolehan dalam bekerja dalam memenuhi kehendak semasa majikan. Dengan mengetahui kesesuaian program serta ilmu yang diterapkan dalam jiwa agar mengurangkan kadar pengangguran di kalangan siswazah Ijazah Sarjana Muda. Langkah-langkah mengatasi masalah pengangguran perlulah dikaji semula sejauh mana graduan yang dilahirkan oleh akademik ini mempunyai nilai yang tinggi dalam kemahiran generik yang memberikan nilai tambah kepada graduan yang ingin merkecimpung dalam arena kerjaya.

BAB 3

METODOLOGI

3.1 Pengenalan

Bab ini bertujuan membincangkan kaedah atau metodologi kajian awal tinjauan kebolehpasaran siswazah peringkat Ijazah Sarjana Muda dari perspektif majikan atau pengurus sumber manusia terhadap elemen kemahiran insaniah yang sangat diperlukan dalam pelbagai latar belakang dalam industri pertanian seterusnya telah bertanggungjawab menjawab persoalan kajian berkaitan ciri-ciri graduan serta elemen yang perlu ada dalam melayakkan seseorang graduan diterima di pasaran kerjaya.

3.2 Lokasi Kajian

Kajian ini telah dilakukan di sekitar daerah dalam negeri Johor. Negeri Johor mempunyai keluasan 18,992 kilometer persegi dan mempunyai 2.8 juta penduduk pada tahun 2000,Kerajaan Pusat (2004). Kajian ini telah dilakukan di daerah Muar, Batu Pahat, Kluang, Ledang, Pontian, Kulaijaya, Johor Bahru, Segamat, Mersing dan Kota Tinggi. Ini kerana, negeri di sebelah selatan semenanjung Malaysia mempunyai skop dalam bidang pertanian yang luas seperti ternakan,pengeluaran tanaman dan makanan dan tanaman industri serta mempunyai jabatan-jabatan yang menjalankan aktiviti penyelidikan serta syarikat swasta yang bertunjangkan pertanian.

3.3 Populasi Kajian

Populasi kajian adalah kepada majikan yang berada dalam prospek mendapatkan kakitangan yang terdiri daripada siswazah Ijazah Sarjana Muda untuk mengisi permintaan dalam industri pertanian samada majikan kolej-kolej yang berorientasikan pertanian, syarikat persendirian dalam industri pertanian, jabatan-jabatan awam, syarikat swasta seperti yang menjalankan aktiviti industri dalam pertanian. Bilangan set soalan kaji selidik yang telah diedarkan kepada organisasi setiap daerah secara rawak adalah 70 set. Kadar respon kajian adalah sekitar 42.8 peratus iaitu sebanyak 30 borang soal selidik telah dikembalikan.

3.4 Reka bentuk Kajian

Kajian awal ini telah menggunakan kaedah Tinjaun Deskriptif (*Descriptive Survey*) iaitu satu tinjauan secara secara soal selidik di mana responden memberi jawapan serta pandangan terhadap apa yang ingin dikaji. Responden telah dipilih secara rawak mengikut daerah selepas mengetahui skop bidang dalam industri pertanian

3.5 Borang Kaji Selidik

Borang kaji selidik kajian awal ini mengandungi tiga bahagian utama iaitu Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C. Bahagian A merangkumi maklumat mengenai latar belakang responden dan organisasi manakala Bahagian B pula merangkumi persepsi para responden terhadap kebolehpasaran graduan melalui item-item kemahiran insaniah. Para responden memberi respon pada setiap pernyataan dalam terma tahap persetujuan mereka keatas item-item yang dikaji.

Bahagian C adalah soalan yang memerlukan responden memberikan pilihan terhadap ciri-ciri graduan yang diingini melalui persepsi majikan. Borang kaji selidik ini menggunakan versi Bahasa Malaysia.

RUJUKAN

- Abdul Ghafar, N.2004. Dinamika Sistem Pendidikan Tinggi.Penerbitan Universiti Teknologi M Universiti Malaya. 2009. Kajian masalah ketidakselarasan antara pendidikan dan latihan graduan (lelaki dan perempuan)
- Abdul Shukur Abdullah (2004). —Strategi Melahirkan Tenaga Kerja Manusia Bertaraf Dunia]., Bengkel SKU/SKT. April 2004.
- A. Esa, M.Y. Abd Hadi, Dan B. Mohd Salleh. Peranan Ko-Kurikulum Di Politeknik Dalam Memenuhi Keperluan Pihak Industri Di Malaysia. Kertas kerja yang dibentangkan di Persidangan Pengajaran dan Pembelajaran di Peringkat Pengajian Tinggi 2007, 12-14 Disember 2007 Hotel Palace of the Golden Horses, SeriKembangan, Selangor. majikan, 2005/2006. *Laporan Penyelidikan*. Kuala Lumpur
- Bank Negara Malaysia (2000):laporan akhir bajet Malaysia
- Bernama News (2007). Ketiadaan Kemahiran Insaniah Punca Siswazah Menganggur, Kata Mustapa. Di laman web <http://blis.bernama.com/mainHome.do>
- Cambell,D,J Boomer ,Wand yeo,E 1993 "Perception of appropriate leadership style participation versus consultation across two cultures."Asia Pacific Journal of management ,Vol 10 (149)
- Farah Fardillah Arif,Zaimah Darawi dan Mohd Noor Mamat(2012):Hubungan antara Industri Bagi Sektor Pertanian di Malaysia.PERKEM VII,JILID1(2012)269-276 ISSN;2231-962
- Glass, A., Higgins, K. dan McGregor, A. (2002). Delivering Work Based Learning University of Glasgow: Training and Employment Research Unit.
- Haslinda @ Robita Hashim, Muhammad Nubli Abdul Wahab dan Zarina Mohd Ali (2005). Pembangunan Sahsiah Mahasiswa Bersepadu:Konsep Dan Pelaksanaannya Di Kolej Universiti Kejuruteraan. Kertas kerja yang dibentang di Seminar Kebangsaan Kursus Sokongan Kejuruteraan, Di Hotel Aseania, Langkawi17-18 Disember 2005
- Hussain, Kamarulafizam dan Mohd Najeb (2006). Senario Penyelidikan di Malaysia : Rintangan dan Cabaran. Universiti Teknologi Malaysia, Johor
- Higgins, B. 2008. Program evaluation: Utilizing graduate and employer perception data in determining graduates' job preparedness levels. *Journal of Industrial Technology* 24(3): 2-19.
- Ishak Yussof, Rahmah Ismail & Robiah Sidin. 2008. Graduan dan alam pekerjaan: Kes siswaza h UKM. *Akademika* 72:3-24.
- Ismail Mohd Salleh (1989) masalah pendidikan teknik dan vokasional.dewan masyarakat ,Februari Halaman 15-16
- Ishak Yussof & Zainizam Zakariya. 2009. Pertumbuhan Ekonomi dan Keperluan Pendidikan Tinggi di Malaysia. *Jurnal Ekonomi Malaysia* 43: 85-105.
- Institut Penyelidikan Pendidikan Tinggi Negara. 2004. Daya saing graduan lepasan tempatan dengan graduan lepasan luar negara Institusi Pengajian Tinggi (IPT). *Laporan Penyelidikan*. Pulau Pinang: USM Pulau Pinang.
- Jabatan Perangkaan Malaysia.2010 Perangkaan industri Malaysia
- Janet fine (2005) .Opportunities in teaching career.United State McGraw.Hill and Co
- Kandall (1946), "The Focussed Interview", *American Journal of Sociology*, vol. 51.,

Nos 1-6., July 1945 – May 1946, Chicago, Illinois : University of Chicago Press, h. 544.

Kamus Dewan Edisi Ketiga (2000). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka
Kearns, P. (2001). Generic Skills for the New Economy. Kensington Park: National Centre for Vocational Education Research (NCVER) Ltd. Kementerian Pendidikan Malaysia (2000)."Kokurikulum." <http://myschoolnet.ppk.kpm.my/> Dicapai pada 17 Februari2013

Malaysia 2010. Rancangan Malaysia Kesepuluh 20011-2015. Putrajaya: Jabatan Percetakan Negara.

Malaysia. 2006. Rancangan Malaysia Kesembilan 2006-2010. Putrajaya: Jabatan Percetakan Negara.

Maher, K.J.1997." Gender –related stereotypes of transformational and transactional Mc Neil, P.W., Kulick, C.D. (1995).Employer's Role in School to-Work Opportunities Academy for Educational Development, Washington DC: Proceeding Paper Melati Mohd Ariff 2007). "Menggilap Kecemerlangan Menara Gading" di laman web www.bernama.com/bernama/v3/bm/printable.php?id=277666 leadership. *Sex Roles*, Vol.37 (3/4):209-225.

Miles,H.B & Huberman,A.M.1984.Qualitative Data analysis : A source Book of New Mthod .Newbury Park ,Ca ,USA :Sage publication Inc

Mohamed Khaled Nordin (2008) mengubah senario global dalam pengajian tinggi kertas kerja seminar pengurusan akademik IPT 2008

Mohd Samsol Pajio dan Hamdan said (2012)Tinjauan Pasaran Program Ijazah Serta Pendidikan(fizik)Penerbitan jornal pendidikan.Universiti teknologi malaysia 2012

Machin, S. And Vignoles, A. (2001).The Economic Benefits of Trainning to the Individual, the Firm and the Economy:The Key Issues, Centre for the Economics of Education

Merton, K. dan Paul Kandall (1946), "The Focussed Interview", American Journal of Sociology, vol. 51., Nos 1-6., July 1945 – May 1946, Chicago, Illinois : University of Chicago Press, h. 544.

National Association of State Workforce Agencies, *Checklist for Developing a Limited-EnglishProficiency Plan* (2003)

Nor Aishah ,A 1997.Hubungan persepsi latihan dengan kepuasan kerja di kalangan guru-guru koperasi sekolah-sekolah menengah zon sentul,Wilayah Persekutuan Satu kajian emperikal.Disertasi sarjana sains .Universiti Utara Malaysia

Peter Drucker, J. (1999).Living with technology||. Albany, NY: Delmar Publishers, Inc.

Sidek & Othman, (2001). Pertumbuhan Sektor Perkilangan dan Peranan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) di Malaysia Kuala Lumpur

Soo Wee Leng dan Juma'ayah (1997)Effective Training in Malaysia Organization. Kuala Lumpur

Triton, P.B.2006.SPSS 13.0 Terapan(Riset Statistik Parametrik).Yogyakarta:Andi Yogyakarta

Uma Sekaran (2000).Research methods for business:A skill building approach (4th ed.). New York : John Wiley & Sons, Inc.

Universiti Malaya. 2009. Kajian masalah ketidakselarasan antara pendidikan dan latihan graduan (lelaki dan perempuan) dan pengharapan para majikan, 2005/2006.Laporan Penyelidikan. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Warnoh Katiman (2004).Program Pendidikan Guru Teknik Dan Vokasional Yang Cemerlang, Universiti Kebangsaan Malaysia. Kuala Lumpur.

- Ye Lie, K Pang, V. and Fadhil Mansur. 2009. Employer perceptions on graduate literacies in higher education in relation to the workplace. *English for Specific Purposes World Issue 4* (20), Vol 7
- Zulkifly Osman, Abu Hassan Shaari Mohd Nor & Ishak Yussof. 2010. Inflasi pendidikan mengikut ketentuan dalam pasaran buruh Malaysia. *Jurnal Ekonomi Malaysia* 44:
- Zuhairuse Md Darus et. al. 2007. Persepsi majikan terhadap kumpulan pertama pelajar senibina ukm: hasil kajian latihan industri. Seminar Pendidikan Kejuruteraan dan Alam Bina 2007
- http://steadfast_uiam.tripod.com/Asas%20Pengurusan.htm
- http://dbp.gov.my/lamandbp/main.php?Content=articles&ArticleID=1541&IID=&PHPS_ESSID=bd8ee4c4f096abbe1cb59cd7a7c134f5 (DBP) 61-71Merton, K. dan Paul